

SOALAN NO. : 20

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TEO KOK SEONG [RASAH]

TARIKH : 17 MAC 2016 (KHAMIS)

RUJUKAN : DR09

SOALAN :

Tuan Teo Kok Seong (Rasah) minta Menteri Sumber Asli Dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) di manakah kilang nadir bumi Lynas membuang sisa toksik; dan
- (b) mengapakah Pusat Kualiti Alam, Bukit Nenas di Negeri Sembilan dibenarkan untuk memproses sisa toksik/radioaktif dari Lynas

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Buangan terjadual (sisa toksik) yang dikeluarkan oleh Lynas dilupuskan di Premis Yang Ditetapkan (PYDT) yang dilesenkan oleh Jabatan Alam Sekitar.

- (b) Lynas tidak dibenarkan menghantar buangan radioaktif ke Kualiti Alam Sdn Bhd (KASB) untuk dilupuskan. Buangan yang dihantar oleh Lynas ke KASB adalah buangan terjadual yang terdiri daripada buangan cat, buangan minyak, bekas dan sarung tangan tercemar dan juga enapcemar logam.

Sekian, terima kasih